

# DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAAN

Assalamualaikum  
dan Selamat Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bertemu lagi dalam keluaran akhir Buletin Info PinTAR Bilangan 3 bagi tahun 2009.

Tahun 2009 telah mencatat pelbagai kejayaan buat PTAR apabila memperolehi pencapaian yang memberangsangkan dalam pelbagai anugerah di Peringkat UiTM, Peringkat Kebangsaan, mahu pun Peringkat Antarabangsa. Pencapaian cemerlang dalam penghasilan inovasi PTAR telah memberikan impak yang berkesan dimana penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Ptar juga turut tersenarai sebanyak enam kali berturut - turut dalam Pencalonan Akhir Anugerah Kualiti Naib Canselor UiTM. Begitu juga dengan pencapaian sebagai JOHAN dalam Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2008. Ini merupakan satu lagi pencapaian yang amat membanggakan PTAR agar terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti.

“ PTAR juga turut tersenarai sebanyak enam kali berturut - turut dalam Pencalonan Akhir Anugerah Kualiti Naib Canselor UiTM. Begitu juga dengan pencapaian sebagai JOHAN dalam Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2008. Ini merupakan satu lagi pencapaian yang amat membanggakan PTAR agar terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti.”



Peranan kita dalam memberi sokongan kepada Pelajar, Pensyarah, Perunding dan Penyelidik di sesebuah Universiti tidak boleh diperkecilkan. Selain dari memberi perkhidmatan akademik kepada masyarakat, PTAR juga banyak memberi perkhidmatan dalam bidang maklumat dan juga pembacaan.

Peranan kami dalam memberi sokongan kepada Pelajar, Pensyarah, Perunding dan Penyelidik di sesebuah Universiti tidak boleh diperkecilkan. Selain dari memberi perkhidmatan akademik kepada masyarakat, PTAR juga banyak memberi perkhidmatan dalam bidang maklumat dan juga pembacaan.

Akhir kata, SYABAS dan TAHNIAH diucapkan buat semua warga PTAR di atas segala usaha serta kerjasama yang telah diberikan selama ini...

Sejajar dengan tagline PTAR @your service, perkhidmatan PTAR akan terus dipertingkatkan bagi memenuhi kehendak pelanggan.